

**TEKS UCAPAN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI
PERKHIDMATAN UPM 2014**

6 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

**DEWAN BESAR, PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

Bismillah hirrahmanirrahim

Yang Berbahagia Dato' Wan Azman Wan Omar, Pendaftar (merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan);

YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar Sabran
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)

Encik Zulkiflee Othman
Bursar UPM

Tuan Hj. Amir Hussain Md Ishak
Ketua Pustakawan

Pegawai-pegawai Kanan Universiti;

Ketua-ketua Jabatan;

Ahli Panel Forum;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, maka dapat kita hadir ke Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan 2014 (HKIP) pada pagi ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Sambutan yang dipengerusikan oleh Dato' Pendaftar di atas penganjuran program ini. Sesungguhnya penganjuran HKIP ini adalah penting serta memberi makna yang besar dalam usaha membudayakan amalan kualiti, kreativiti dan inovasi perkhidmatan di UPM, sebagai komitmen berterusan untuk menambah baik sistem perkhidmatan.

KEPERLUAN INOVASI DALAM PERKHIDMATAN

Sidang Hadirin sekalian,

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah meletakkan inovasi sebagai satu agenda penting dalam transformasi sektor awam. Beliau menyatakan salah satu nilai asas bagi melengkapi tiang utama pentadbiran kerajaan adalah "Membudayakan kreativiti dan Inovasi." Beliau menegaskan bahawa penjawat awam seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman.

Inovasi adalah satu konsep yang luas dan boleh diinterpretasi dalam pelbagai cara. Buku *Understanding Innovation* terbitan Perbadanan Produktiviti Malaysia mengatakan “*Creativity is coming up with ideas; Innovation is bringing ideas to life*”. Ini bermakna Inovasi melihat nilai dalam kreativiti dan mentransformasi idea-idea yang terhasil daripada proses kreativiti untuk memberi keuntungan dan kejayaan kepada organisasi. Namun begitu, inovasi bukan hanya membawa kejayaan kepada sesebuah organisasi, malah ia juga mampu memberi anjakan paradigma kepada kemajuan dan kejayaan sesebuah negara, lantas mengukuhkan kedudukan negara tersebut di dalam ranking daya saing global.

Oleh itu, dalam mencapai status negara maju menjelang 2020, Malaysia telah meletakkan inovasi sebagai agenda utama negara sejak tahun 2009. Kerajaan mempunyai wawasan untuk mentransformasikan negara melalui proses inovasi yang menyeluruh melalui pelbagai cara dan pendekatan. Kerajaan amat komited dan serius untuk memastikan inovasi dilaksanakan di sektor swasta mahupun sektor awam untuk membawa negara ke tahap ekonomi yang lebih maju.

INOVASI DI PERINGKAT GLOBAL DAN KEBANGSAAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Meneliti pencapaian negara dalam lensa inovasi, kedudukan negara di dalam Global Innovation Index 2014 telah turun satu anak tangga di kedudukan ke-33 daripada 143 buah negara berbanding tahun sebelumnya. Namun begitu, Laporan Global Competitiveness report 2014-2015 telah meletakkan Malaysia sebagai negara ke-20 paling berdaya saing di kalangan 144 negara iaitu naik empat kedudukan dari tahun sebelumnya.

Keadaan ini merupakan cabaran yang perlu dipikul oleh kita semua untuk bekerja dengan lebih gigih dan penuh komitmen bagi mencipta kejayaan inovasi yang lebih bermakna kepada negara, seterusnya mengukuhkan kedudukan negara di dalam ranking daya saing global. Seperti kata John Emmerling dalam buku *Innovation – Unleashed!*, “*Innovation is creativity with a job to do*”. YAB Perdana Menteri dalam Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri pada 13 November 2013 juga menekankan aspek daya kesungguhan yang tinggi di kalangan penjawat awam kerana dengan daya kesungguhan, kita boleh menjadi bangsa yang berinovatif.

Kita boleh meningkatkan daya kreativiti dan inovatif dalam perkhidmatan awam melalui gagasan Cepat, Tepat dan Integriti (CTI) yang disulami dengan budaya Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (PCI) seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Penggunaan konsep CTI dan PCI ini mampu menghasilkan inovasi-inovasi yang akan memperkasakan sistem perkhidmatan sedia ada, seterusnya melonjakkan nama negara di peringkat global.

INOVASI DALAM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Sidang Hadirin sekalian,

Di peringkat pendidikan tinggi Negara, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dirangka bagi membolehkan sektor pengajian tinggi memenuhi tuntutan negara merakyatkan ilmu dan menjana modal insan berkualiti yang menjadi sumber daya utama Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ilmu, idea, kreativiti dan inovasi yang dijana daripada

penyelidikan, penyerapan dan adaptasi ilmu sedia ada dari seluruh dunia mampu menjadi landasan kemajuan negara dan masyarakat sejagat.

INOVASI DI PERINGKAT UPM

Sidang Hadirin sekalian,

Selari dengan PSPTN, UPM telah melancarkan Pelan Strategik Universiti Putra Malaysia 2014 - 2020. Pelan Strategik ini adalah manifestasi UPM untuk meningkatkan kecemerlangan dalam mendepani cabaran pengajian tinggi pada peringkat global. Manifestasi ini tersirat di dalam Putra Global 200 iaitu aspirasi UPM untuk tersenarai dalam kedudukan 200 universiti terbaik dunia pada tahun 2020 mengikut penarafan QS World University Rankings. UPM berjaya memperbaiki kedudukannya daripada kelompok 411-420 pada tahun lepas ke tangga 376 pada tahun ini.

Berdasarkan Laporan Pencapaian QS (Quacquarelli Symonds) World University Ranking 2014, prestasi UPM telah meningkat dalam 4 indikator daripada 6 indikator yang diukur iaitu *Academic Reputation* (skor meningkat sebanyak 7 mata), *Citations per Faculty* (skor meningkat sebanyak 3.7), *International Faculty* (skor meningkat sebanyak 18 mata) dan *International Students* (skor meningkat sebanyak 5.4), manakala 2 indikator mengalami sedikit penurunan iaitu *Employer Reputation* (skor menurun 1.6) dan *Faculty Student Ratio* (skor menurun 0.8).

Bagi meningkatkan skor dalam indikator yang diukur, UPM perlu merancang dan bertindak secara kreatif dan inovatif bagi meningkatkan prestasi dan memperkukuhkan kedudukan. UPM perlu memberi tumpuan lebih kepada

penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang sains, teknologi, dan perubatan yang kini menjadi tumpuan utama perlumbaan inovasi global.

Sekiranya prestasi UPM terus meningkat dengan purata 30 anak tangga setiap tahun dalam tempoh 6 tahun, adalah tidak mustahil untuk UPM mencapai Putra Global 200. Selari dengan aspirasi tersebut, saya percaya bahawa dengan kesepakatan, dedikasi dan sokongan seluruh warga UPM, kita akan berjaya mencapai visi untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa dan sekali gus mencapai sasaran Putra Global 200.

Dengan pencapaian ini UPM seterusnya dapat memenuhi tuntutan dan keperluan negara iaitu dengan melahirkan modal insan kelas pertama dan memindahkan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat.

Kita perlu yakin inovasi boleh membawa kita jauh ke hadapan dan menjadi pemimpin yang unggul seperti mana yang dikatakan mendiang Steve Jobs, pengasas Apple, *“Innovation distinguishes between a leader and a follower”*. Beliau telah mencipta kejayaan inovasi dalam bidang teknologi moden dengan produk-produk Apple yang cukup kreatif yang telah merubah gaya hidup sebilangan besar penduduk dunia pada masa kini. Ini semua hasil daripada minat beliau yang mendalam untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik dan tidak pernah statik.

SAMSUNG telah berjaya mengubah dirinya daripada pengeluaran peralatan kos rendah kepada pemimpin dunia dalam R&D, pemasaran dan rekabentuk melalui penerapan falsafah *“Kami akan mencurahkan sumber daya manusia dan teknologi untuk menciptakan produk dan perkhidmatan sehingga memberikan sumbangan*

yang lebih baik kepada masyarakat global.” Tumpuan kepada peningkatan proses yang berterusan berasaskan “*Blue Ocean Strategy*” pula telah membolehkan SAMSUNG secara konsisten menampilkan inovasi baharu dalam rekacipta teknologi telefon bimbit, seterusnya menakluki pasaran global.

Berkat minda kreatif dan keinginan individu dan organisasi seperti ini untuk mengubah kaedah pelaksanaan secara lazim, masyarakat dunia telah menikmati manfaat daripada hasil inovasi mereka dalam kehidupan harian. Oleh yang demikian, kita, warga UPM, mesti keluar daripada cara kerja yang rutin. Gaya serta kaedah penyampaian perkhidmatan perlu berada di luar kotak atau di luar kelaziman. Curtis Carlson, CEO SRI International menyatakan bahawa “*Business as usual is a recipe for disaster*”.

PEMBUDAYAAN INOVASI DI UPM

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pembudayaan inovasi dalam organisasi adalah satu ciri penting dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa berada pada tahap cemerlang dan memenuhi kehendak pelanggan. Bagi menjadikan kita penjawat awam yang kreatif, berinovasi, berkualiti dan berintegriti, kita haruslah melengkapkan diri dengan kemahiran (skills), ilmu pengetahuan (knowledge) dan sifat-sifat peribadi (attitude) yang tinggi, disamping mempunyai satu corak pemikiran berteraskan penciptaan (creating mind). Oleh kerana itu, usaha sedang dilakukan untuk membudayakan pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan warga UPM yang akan menghasilkan ciptaan-ciptaan yang baharu dan unik untuk kebaikan semua.

Alhamdulillah, telah banyak kejayaan telah dicipta oleh warga UPM dan telah mendapat pengiktirafan di dalam dan luar negara, serta diterima oleh industri. Pada tahun lepas, tiga orang pensyarah UPM telah menerima Anugerah Akademik Negara (AAN) dan seorang Profesor Emeritus dianugerahkan sebagai Tokoh Akademik Negara tahun lalu. Dalam konteks penyelidikan pula, sebanyak 712 projek penyelidikan telah dijalankan dengan pembiayaan geran sebanyak 65.4 juta ringgit. UPM juga telah berjaya meningkatkan prestasi dalam kualiti penerbitan “Cumulative Impact Factor” (CIF) sehingga mencapai tahap 79% daripada keseluruhan sasaran 3,000 penerbitan. Manakala sebahagian hasil penyelidikan yang diusahakan oleh penyelidik kita berjaya dipaten dan dikomersilkan dan UPM telah mengungguli carta teratas inovasi dan pengkomersialan dalam ranking MyRA 2013.

Pada tahun ini, sebanyak 103 inovasi penyelidikan baharu telah dihasilkan. 8 inovasi pula telah berjaya dikomersialkan, antaranya:

- Teknologi Robo-Rest yang mempercepatkan proses pensterilan dan peleraian buah kelapa sawit;
- STVac7 iaitu vaksin pertama yang menggunakan bakteria *Mannheimia haemolytica* A7 yang dapat mengurangkan kadar kematian kambing dan biri-biri akibat penyakit jangkitan radang paru-paru; dan
- “Kit Bijak Wang : Anak Bijak Cerdik Duit” yang merupakan program pendidikan kewangan yang disasarkan kepada kumpulan kanak-kanak.

Pencapaian-pencapaian ini akan diperkasakan lagi dengan memperkukuhkan strategi promosi dan pemasaran hasil produk penyelidikan UPM ke arena global bagi meletakkan UPM di pentas dunia sebaris dengan universiti terkemuka dunia lain.

Universiti juga menekankan pembudayaan inovasi di kalangan staf bukan akademik dengan program-program seperti HKIP, UPMTOP dan UPMTACT. UPMTACT julung kali dilaksanakan pada tahun ini. Ia memberi peluang kepada staf bukan akademik meneroka peluang pembelajaran secara tidak formal di peringkat antarabangsa. Pengalaman berada di luar negara dan menyaksikan secara *'first hand'* budaya kerja dan budaya hidup masyarakat antarabangsa dijangka memberi impak positif terhadap perkembangan budaya kerja staf, terutama dalam aspek mempertingkatkan cara berfikir dan menggalakkan kecenderungan mencipta inovasi baharu.

Pada tahun ini, sebanyak 31 kumpulan dengan bilangan staf seramai 473 orang telah terpilih untuk mengikuti program ini yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1 juta. Pilihan negara untuk dikunjungi terdiri daripada negara-negara maju dan berinovasi tinggi seperti Korea Selatan yang telah diiktiraf oleh Bloomberg sebagai negara yang paling tinggi tingkat inovasi pada tahun ini. Diharapkan peningkatan mobiliti staf ke negara luar dapat merealisasikan impian kita untuk menjadi sebuah universiti yang unggul di mata dunia. Diharapkan juga akan berlaku perubahan berskala besar dan drastik dari sudut kreativiti dan inovasi tanpa melanggar dasar-dasar yang telah ditetapkan.

Pada tahun ini, beberapa projek inovasi perkhidmatan telah diperkenalkan di PTJ yang dapat memberi impak yang berkesan dan bermanfaat kepada sistem perkhidmatan Universiti. 7 inovasi telah dipertandingkan untuk Anugerah Inovasi Perkhidmatan iaitu:

- Bagi kategori kumpulan:

1. Tabletop Exercise - Pelan Pengurusan Bencana dari Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
 2. Sistem Pengurusan Latihan UPM Fasa 3 dari Pejabat Pendaftar / iDEC;
 3. TMK Evo (Trolis Mengangkut Kerusi Evolusi) dari PKKSSAAS; dan
 4. Equipment Management System (CEMS) dari Bahagian Pentadbiran TNCPI/iDEC.
- Bagi kategori individu pula:
 1. Elastik Signage Parking (e-SINPARK) oleh Encik Mustaffa Hj. Dollah dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan;
 2. R-envelope (Reusable envelope : sampul surat yang boleh diguna semula) oleh Encik Mohammad Fakarrudeen Zulkifli dari Fakulti Ekonomi dan Pengurusan; dan
 3. Portable Hot Stamping Platform oleh Encik Marwan Abdul Razak dari Perpustakaan Sultan Abdul Samad.

Diharapkan budaya penciptaan inovasi perkhidmatan akan terus dipergiat untuk kecemerlangan Universiti.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Pada hari ini, saya berbangga kerana kita dapat meraikan Hari Kualiti dan Inovasi Pkhidmatan peringkat UPM yang merupakan satu mekanisme untuk menggalakkan warga UPM mencipta inovasi. Dengan itu, beberapa pengiktirafan

akan diberikan kepada PTJ, kumpulan dan individu yang telah berjaya memenangi pertandingan bagi kategori Anugerah Amalan 5S, Anugerah Inovasi Perkhidmatan, Anugerah Pengurusan Aset, Anugerah Penarafan Bintang Pentadbiran, dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada mereka yang bakal dinobatkan sebagai penerima anugerah-anugerah yang dipertandingkan. Semoga dengan kejayaan ini akan membakar tekad dan semangat warga UPM untuk terus meningkatkan lagi rentak inovasi pada masa akan datang.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi UPM kerana berjaya menganjurkan program ini dan saya merakamkan penghargaan kepada semua individu, kumpulan dan PTJ yang telah mengambil bahagian pada tahun ini. Saya mendoakan segala usaha inovasi yang dilaksanakan akan membawa kejayaan yang bermakna kepada kita, dan juga untuk kemajuan perkhidmatan awam, UPM dan Negara, InsyaAllah.

Saya akhiri ucapan saya dengan kata-kata Mahatma Gandhi *“The difference between what we do and what we are capable of doing would suffice to solve most of the world’s problems.”* Begitulah hebatnya potensi diri yang ada dalam diri kita semua.

Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.